



## LESEN DIBAWAH UNDANG-UNDANG KECIL (HOTEL AND LODGING HOUSE) KOTA KINABALU , 1966

### JENIS LESEN

- Hotel
- Lodging House

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Lengkapkan borang permohonan Lesen Berniaga dan lesen DBKK .
- Berusia 18 tahun ke atas, penduduk tempatan/tetap negeri Sabah atau memiliki pas kerja bagi penduduk Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Bagi warganegara asing hendaklah melalui pertubuhan syarikat yang berdaftar dan memiliki Pas Kerja
- Pemohon adalah dikehendaki untuk mengemukakan pelan pengubahsuaian premis ke Jabatan Perancangan Bandaraya, DBKK untuk kelulusan sekiranya terdapat pengubahsuaian yang dilakukan.
- Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan sebelum lesen dikeluarkan.

### DOKUMEN SOKONGAN

#### DOKUMEN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BAGI PERSEORANGAN / PERKONGSIAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. Perjanjian sewa premis di antara pemilik dengan pemohon atau Perjanjian sewa beli sekiranya pemohon adalah pemilik premis perniagaan atau Surat kebenaran daripada pemilik lesen sedia ada untuk berkongsi premis perniagaan dan/atau disewa (salinan lesen bermula jika perlu)
2. Salinan kad pengenalan
3. Salinan resit/slip pembayaran cukai pintu yang terkini

**Semua Salinan Dokumen Yang Disertakan Hendaklah Disahkan Benar Oleh Pesuruhjaya Sumpah/Majistret/Jaksa Pendamai/Kerani Pelesenan Dengan Membawa Dokumen Asal**

#### DOKUMEN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BAGI SDN.BHD / BERHAD ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. Perjanjian sewa premis di antara pemilik dengan pemohon atau Perjanjian sewa beli sekiranya pemohon adalah pemilik premis perniagaan atau Surat kebenaran daripada pemilik lesen sedia ada untuk berkongsi premis perniagaan dan/atau disewa ( salinan lesen bermula jika perlu)
2. Borang 49 dan Borang 9
3. Pas Kerja sekiranya pemohon bukan penduduk tetap Negeri Sabah
4. Salinan kad pengenalan bagi pengurus
5. Suratkuasa dari syarikat bagi Pengurus yang dilantik, sekiranya pengurus adalah bukan salah satu pengarah syarikat.
6. Salinan resit/slip pembayaran cukai pintu yang terkini

**Semua Salinan Dokumen Yang Disertakan Hendaklah Disahkan Benar Oleh Pesuruhjaya Sumpah / Majistret / Jaksa Pendamai / Kerani Pelesenan Dengan Membawa Dokumen Asal, manakala Borang 9 Dan 49 Yang Disahkan Oleh Setiausaha Syarikat**

### KADAR LESEN

- Hotel / Lodging House RM 10.00/ Satu Bilik Sebulan

Dewan Bandaraya  
Kota Kinabalu

